

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 01/05/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 20

ANGKASA, PDRM kongsi peranan anggota

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sentiasa berusaha memperkasakan lagi sektor koperasi di negara ini sesuai dengan peranannya sebagai penggerak pembangunan ekonomi rakyat.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata ia juga bagi memastikan koperasi berada di lapisan utama untuk membantu masyarakat merasai

nikmat ekonomi menerusi aktiviti yang lebih bersifat komuniti seperti dilakukan ketika ini.

Beri banyak manfaat

"Koperasi ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan masalah ekonomi, menangani kos sara hidup. Ia bergerak dengan bantuan ahlinya yang berlatar belakangkan pelbagai bidang ekonomi dan sosial.

"Malah, ia sudah memberi ba-

Fakta
nombor

446 TAHUN

kita dijajah

nyak manfaat khususnya sektor awam di negara selain kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya ketika berucap pada Seminar Hari Pekerja 2017 anjuran Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), di sini semalam.

Tanggungjawab besar

Sementara itu, Ahmad Asmadi berkata pihaknya mempunyai tanggungjawab besar untuk me-

melihara keselamatan negara selain memastikan Malaysia tidak akan lagi dikuasai dan dijajah negara asing.

"Kita lihat Malaysia kini baru nak masuk 60 tahun merdeka, kita kenal ingat kita dijajah selama 446 tahun. Jangan ingat keadaannya sama seperti sekarang.

"Wujudnya ancaman, mereka (kuasa asing) menindas anak tempatan. Kita tidak mahu perkara sama berulang," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia